

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**  
**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**  
**MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN JALAN BARU**  
**DARI FT092 KE PULAREK, KOTA TINGGI, JOHOR,**

**PADA 12 DISEMBER 2017, SELASA**

---

YB Datuk Ir. Haji Hasni Haji Mohammad,  
Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri  
Johor, yang mewakili YAB Menteri Besar Johor

Ahli-ahli Yang Berhormat

Dif-dif kehormat

Pegawai-pegawai kanan Jabatan Kerajaan

Wakil-wakil media massa

YBhg Dato'–Dato', Datin–Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,**

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan rahmatNYA kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Perasmian Jalan Baru Dari FT092 Ke Pularek, Kota Tinggi, Johor. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YB Datuk Ir. Haji Hasni Haji Mohammad, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor, yang mewakili YAB Menteri Besar Johor, di atas kesudian untuk bersama-sama kita pada majlis hari ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga di atas kerjasama dan sokongan padu semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.

2. Acap kali kita melihat dan mendengar pembangunan infrastruktur dijadikan sebagai salah satu kayu pengukur kepada kedudukan kekukuhan sesebuah negara. Dalam hal ini, tahap pembangunan infrastruktur Malaysia tidak terkecuali dalam mendapat sorotan yang berterusan dan tertumpu kepada pembangunan rangkaian jalan raya, lebuhraya, jambatan, hospital, sekolah dan prasarana lain. Penyediaan kombinasi prasarana yang mantap dan mampan telah dijadikan asas Bajet 2018 yang mengangkat tema **'MEMAKMUR EKONOMI YANG INKLUSIF, MENGIMBANG KEUNGGULAN DUNIAWI DAN UKHRAWI DEMI MENSEJAHTERA KEHIDUPAN RAKYAT, MENUJU ASPIRASI TN50'**.

3. Suka saya mengupas sejenak apa yang tersirat dalam Tema Bajet 2018. Ianya boleh dibahagikan kepada beberapa kata kunci iaitu 'Memakmur Ekonomi', 'Inklusif' dan 'Mensejahtera Kehidupan Rakyat'. Gabungan kata kunci ini telah, sedang dan akan menjadi tonggak Kementerian Kerja Raya dalam menyediakan dan memastikan infrastruktur yang disediakan ampuh dalam memenuhi kehendak rakyat serta menjadi tonggak kepada pembangunan ekonomi negara. Dengan sumbangan pelaburan swasta yang mengatasi pelaburan awam dengan nisbah 70:30, pelaburan swasta pada tahun 2018 dijangka mencecah RM260 billion, pembangunan jalan seperti Jalan Baru Dari FT092 Ke Pularek ini bukan hanya akan dapat memberikan akses kepada penduduk di sekitarnya tetapi akan membantu pelaburan berimpak tinggi industri berasaskan eksport seperti Projek Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang sejajar dengan matlamat Program Transformasi Ekonomi (ETP) sektor swasta sebagai **'engine of growth'**.

Para hadirin yang dihormati,

4. Dalam *Rolling Plan Kedua*, Rancangan Malaysia KeSebelas, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak RM343.3 juta untuk membiayai projek infrastruktur jalan dan jambatan di Negeri Johor. Salah satu projek infrastruktur berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan di Negeri Johor ialah Projek Jalan Baru dan Menaiktaraf Jalan yang menghubungkan Bandar Penawar dengan Sg. Rengit seterusnya ke Pusat Latihan Rekrut (PULAREK) serta empat (4) jajaran jalan baru di dalam Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) sepanjang 65.5km dengan kos keseluruhan sebanyak RM1.86 bilion.

5. Kementerian Kerja Raya sememangnya amat berbesar hati dapat melaksanakan satu lagi projek yang dapat memberi manfaat kepada semua rakyat terutamanya penduduk dan pemain industri di kawasan Pengerang yang sememangnya menanti-nantikan projek infrastruktur ini bagi memberi sokongan kepada Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC). PIPC sepanjang 23.8km dibahagikan kepada 4 pakej dengan kos keseluruhan sebanyak RM1.10 bilion. Semua pakej ini sedang giat dilaksanakan mulai Jun 2016 dan dijangka siap secara berperingkat sehingga Februari 2019.

6. Projek Jalan Baru dan Menaiktaraf Jalan di Pengerang dilaksanakan secara berperingkat bermula Rancangan Malaysia KeSepuluh dengan keutamaan pelaksanaan pada masa ini ialah di sepanjang jajaran FT092 dari Bandar Penawar ke Sg. Rengit seterusnya ke PULAREK atas faktor kesesakan lalu lintas serta jaringan logistik ke PIPC. Sebahagian jajaran tersebut iaitu dari FT092 ke PULAREK sepanjang 14km yang telah pun siap.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

7. Jalan Negeri J52 sedia ada dari Sg. Rengit ke PULAREK merupakan jalan utama penduduk setempat yang telah diambil alih oleh pihak pelabur di PIPC. Berdasarkan keadaan trafik semasa, Kerajaan telah pun meluluskan RM336.8 juta dalam Rancangan Malaysia KeSepuluh bagi pelaksanaan jalan FT092 ke PULAREK. Antara skop kerja yang dilaksanakan bagi projek ini ialah membina jalan baru empat lorong dua hala dengan reka bentuk piawaian JKR R5 sepanjang 14km, membina jambatan/ struktur/*embankment* merentasi kawasan berair, membina 1 *vehicular box culvert*, membina persimpangan lampu isyarat/pusingan U serta Pengambilan Tanah di sepanjang jajaran jalan baru ini.

8. Pelaksanaan Projek Membina Jalan Baru Dari FT092 Ke Pularek yang telah pun dimulakan pada 18 Mac 2014 dan siap sepenuhnya dalam Rolling Plan Kedua, Rancangan Malaysia KeSebelas. Justeru, saya ingin menyeru semua pihak yang terlibat termasuk agensi pelaksana, perunding dan kontraktor yang telah dilantik agar dapat memastikan supaya pakej-pakej lain projek jalan di PIPC dilaksanakan dengan jayanya dan disiapkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Hadirin yang saya hormati,

9. Jajaran jalan di sepanjang Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang merupakan sebahagian daripada komitmen Kerajaan untuk menyediakan infrastruktur sokongan bermutu tinggi kepada hub industri pemrosesan minyak terutamanya kepada pemain industri serta penduduk di Negeri Johor. Penyediaan infrastruktur sokongan seperti ini adalah penting dalam memastikan Malaysia sentiasa menjadi destinasi pelaburan asing yang kompetitif di rantau Asia Tenggara sekaligus akan memastikan kedudukan Malaysia dalam *Ease of Doing Business*

ditingkatkan. Untuk makluman semua, berdasarkan **Doing Business Report 2017** oleh **Bank Dunia**, Malaysia berada dalam posisi yang **ke-23** di kalangan **189 buah negara**, satu indikasi yang Malaysia '**Is On The Right Track**'.

10. Projek ini juga sudah tentu akan menjana perkembangan pesat kepada pembangunan sosio ekonomi di kawasan sekitar khususnya kepada sektor industri pemprosesan minyak, industri pelancongan dan industri kecil sederhana. Penjana pelbagai peluang pekerjaan, perniagaan dan industri adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menaikkan lagi Pendapatan Per Kapita kepada RM42,777 pada tahun 2018 berbanding RM40,713 pada tahun 2017.

11. Bagi sektor pembinaan, penyediaan infrastruktur yang menyeluruh dan inklusif bukan hanya menjadi tonggak kepada peningkatan jumlah projek dan nilai projek yang dilaksanakan setiap tahun tetapi ianya adalah bahan utama dalam menjana eko-sistem industri pembinaan yang mampan. Di bawah Pelan Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020, Kementerian Kerja Raya melihat bahawa eko-sistem sektor pembinaan digerakkan oleh kontraktor, penyedia perkhidmatan hulu dan hiliran, bahan binaan dan modal insan.

12. Oleh itu, CITP yang diperkuat dengan 4 teras strategik iaitu Kualiti, Keselamatan & Professionalisme, Kemampanan Alam Sekitar, Produktiviti dan Pengantarabangsaan akan mempercepat pembangunan sektor industri yang mensasarkan penjana nilai projek sebanyak RM180 bilion pada tahun 2018. Di samping itu, transformasi 5 tahun ini dijangka akan meningkatkan 2.5 kali ganda produktiviti pekerja sektor pembinaan pada tahun 2020. Manakala, bagi kontraktor dan penggiat industri pembinaan, CITP melalui inisiatif-inisiatif yang digerakkan

bersama oleh kerajaan dan swasta mensasarkan untuk melahirkan 50 syarikat Malaysia berstatus G8 iaitu kategori kontraktor berprestasi tinggi di bawah CITP dan sekurang-kurangnya 10 lagi syarikat berkaitan pembinaan mengeksport perkhidmatan ke pasaran global.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

13. Saya amat yakin dan percaya bahawa pembangunan prasarana seperti pembinaan jajaran ini bukan hanya menjadi nadi kepada pembangunan ekonomi dan sosio ekonomi rakyat di Johor khususnya di Pengerang ini, impak secara langsung yang akan dapat dirasai dengan pembinaan jalan ini adalah pengurangan trafik di Jalan Persekutuan sedia ada terutamanya pada waktu puncak dan musim cuti sekolah.

14. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua agensi dan pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis kita pada hari ini. Akhir kata, dengan lafaz Bismillah hirrahman nirrahim, saya akan merasmikan Projek Membina Jalan Baru Dari FT092 Ke Pularek, Kota Tinggi, Johor sebentar lagi.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh. Sekian, terima kasih.